

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI)

TARIKH: 03 MAC 2018

MUKA SURAT: 06

RM6 bilion untuk rumah mampu milik

KUALA LUMPUR 2 Mac - Kerajaan Pusat sentiasa menunaikan janji untuk menyediakan keperluan rakyat terutamanya dari segi pemilikan rumah mampu milik, berbeza dengan kerajaan PKR di Selangor dan DAP di Pulau Pinang yang gagal berbuat demikian.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, ini dibuktikan melalui peruntukan sebanyak RM6 bilion supaya rakyat dapat memiliki rumah mampu milik dengan harga

RM35,000 di Semenanjung dan RM42,000 di Sabah dan Sarawak.

Najib berkata, projek rumah mampu milik itu merupakan salah satu kejayaan terbesar kerajaan kerana berjaya menyiapkan sebanyak 83,759 unit rumah melalui 120 projek Program Perumahan Rakyat (PPR) untuk golongan yang memerlukan.

"Sebanyak RM80,000 sehingga RM120,000 subsidi telah disalurkan kerajaan untuk setiap unit PPR.

"Ini berbeza dengan kerajaan

PKR di Selangor dan DAP Pulau Pinang yang gagal menyediakan rumah mampu milik di bawah kerajaan negeri," katanya menerusi blog *Najibrazak.com* hari ini.

Mengulas lanjut Najib berkata, sebagai contoh di Selangor sebanyak sembilan projek *Selangorku* dibatalkan.

"Di Pulau Pinang pula walaupun selepas sembilan tahun, kerajaan negeri masih gagal menyerahkan kunci rumah mampu milik kepada rakyat," katanya.